**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1**

# PERATURAN PEMARKAHAN

# PENDIDIKAN ISLAM

# KERTAS 1

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (Cawangan Pulau Pinang). Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam eraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN PPC T5 2025</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud Sunnatullah.<br>Sunnatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut (1m).</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kesan memahami Sunnatullah:<br>- Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT yang Maha Bijaksana.<br>- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.<br>- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.<br>- Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.<br>- Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>(1)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Kurang menghayati ilmu agama (1m) kerana mengamalkan cara hidup yang berteraskan hawa nafsu semata-mata (1m)<br>- Kurang perhatian daripada ibu bapa (1m) sehingga mencari kasih sayang dan perhatian daripada rakan sejenis (1m)<br>- Terpengaruh dengan budaya barat (1m) yang memperjuangkan hak asasi manusia tanpa berlandaskan agama (1m)</td><td>2m<br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(2)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Manusia tidak dapat menyambung keturunan.<br>- Peningkatan golongan yang mengalami masalah kecelaruan identiti.<br>- Terpesong daripada tuntutan fitrah manusia<br>- Maruah umat Islam tercemar<br>- Mencemarkan kesucian agama Islam</td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua golongan yang mendapat naungan Allah:<br>- Pemimpin yang adil<br>- Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>- Seseorang yang mengingati Allah sehingga menitiskan air mata.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Pengajaran hadis<br>- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (1m) kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah SWT (1m)<br>- Kita hendaklah memanfaatkan usia muda (1m) dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m)<br>- Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid (1m) agar syiar Islam dapat ditegakkan (1m)<br>- Kita hendaklah saling mengasihi (1m) supaya hidup aman damai (1m)<br>- Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat (1m) agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT (1m)<br>- Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah (1m) kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa (1m)<br>- Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah (1m) agar jiwa kita tenang (1m)</td><td>1 x 2m = 2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi;<br>- Menasihati secara berhikmah<br>- Menyarankan agar kembali mengamalkan ajaran islam<br>- Mengajak melakukan kebaikan<br>- Menyedarkan bahawa Allah SWT Maha Pengampun</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Jenis waqaf:<br>- Waqaf Tam<br>- Waqaf Hasan<br>- Waqaf Kafi<br>- Waqaf Qabih</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Takrif ajaran sesat:<br>- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah. | 2m |
| | | (ii) | Dua ciri ajaran sesat dari aspek ibadah:<br>- Menolak kewajipan ibadah fardu<br>- Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap dianggap suci selain<br>- Mekkah al-Mukarramah<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah | 2 x 2m = 4m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja / 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas / 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi / 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. / 4m<br><br>Cadangan isi:<br>- Memberi nasihat / teguran<br>- Melaporkan kepada pihak berkuasa<br>- Menghadiahkan buku tentang akidah yang sebenar berdasarkan ahli sunah wal jamaah<br>- Mengajaknya menghadiri majlis ilmu/ berguru dengan guru yang bertauliah | 4m |
| | (b) | (i) | Maksud nama Allah SWT al-Syahid<br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya. | 2m |
| | | (ii) | Bukti Allah bersifat al-Syahid:<br>- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.<br>- Allah SWT Maha Menyaksikan dan menghitung segala amal perbuatan manusia.<br>- Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.<br>- Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik | 1 x 2m = 2m |

<table>
<tr>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>(1)</td>
<td>Rubrik penskoran<br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian yang menyokong isi</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
- Sentiasa melakukan kebaikan (1m) kerana mengetahui Allah sentiasa menyaksikan perbuatan hambaNya(1m)<br>
- Sentiasa takut melakukan kemungkaran (1m) agar tidak dimasukkan dalam neraka (1m)<br>
- Yakin Allah Maha Menyaksikan dan menghitung segala amalan manusia (1m) agar sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan (1m)</td>
<td>2m<br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(2)</td>
<td>Rubrik penskoran<br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
- Dimurkai Allah<br>
- Dibenci masyarakat<br>
- Maksiat berleluasa<br>
- Sentiasa tamak mengejar nikmat keduniaan<br>
- Manusia lalai daripada mengingati Allah SWT</td>
<td>4m</td>
</tr>
<tr>
<td>3</td>
<td>(a)</td>
<td>(i)</td>
<td>Dua rukun haji<br>
- Niat mengerjakan haji<br>
- Wukuf di Arafah<br>
- Tawaf di Kaabah<br>
- Sai’<br>
- Bergunting atau bercukur rambut<br>
- Tertib pada kebanyakan rukun</td>
<td>2 x 1m = 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Rubrik Penskoran<br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>
- Memastikan kesihatan yang baik dalam kalangan para jemaah<br>
- Mencegah penularan penyakit berjangkit<br>
- Islam menuntut agar menjaga keselamatan nyawa<br>
- Mewujudkan persekitaran yang selamat untuk semua jemaah</td>
<td>4m</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud solat sunat duha<br>- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Hikmah mengerjakan solat sunat duha<br>- Mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi meraih kasih sayang daripada Allah SWT.<br>- Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa.<br>- Mendapat Rahmat dan rezeki daripada Allah SWT.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Maksud anak angkat<br>- Anak angkat ialah anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri (1m) tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak.(1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hak yang wajar diperoleh oleh anak angkat<br>- Nafkah dan Kebajikan<br>- Harta hibah<br>- Harta wasiat</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>(1)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br><br>Wajar<br>- Mengelakkan daripada anak angkat mengetahui status sebenar dirinya (1m) supaya tiada masalah dalam hubungan mereka (1m).<br>- Menghindari perasaan malu dalam kalangan anak angkat (1m) kerana mereka ingin menjaga emosi anak tersebut (1m).<br>- Menghindari persepsi negatif masyarakat (1m) terhadap pasangan yang tidak mempunyai zuriat (1m).<br><br>Tidak wajar<br>- Dapat menjaga batas pergaulan (1m) antara anak angkat dengan keluarga angkat (1m)<br>- Anak berhak mengetahui asal usulnya (1m) agar hubungan tidak terputus (1m)<br>- Memudahkan urusan harta faraid (1m) agar dapat memelihara hak pewarisan (1m)</td><td>2m<br>Isi=1m<br>Huraian=1m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (2) | Rubrik penskoran<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja — 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas — 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi — 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Cadangan isi<br><br>Wajar rahsiakan<br>- Melayan seperti anak kandung<br>- Menjaga kebajikan anak angkat dengan baik<br>- Memberi kasih sayang tanpa syarat<br><br>Tidak wajar rahsiakan<br>- Menjelaskan status anak angkat dengan berhemah<br>- Tidak membezakan kasih sayang antara anak kandung dengan anak angkat<br>- Melayan anak kandung dan anak angkat secara adil agar anak angkat tidak rasa tersisih | 4m |
| 4 | (a) | (i) | Dua khalifah terkenal pada zaman kerajaan Umaiyah<br>- Muawiyah bin Abi Sufian<br>- Abdul Malik bin Marwan<br>- Al-Walid bin Abdul Malik<br>- Umar bin Abdul Aziz | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Faktor kegemilangan Kerajaan Umaiyah daripada aspek ketenteraan<br>- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.<br>- Kemudahan pengkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih.<br>- Adaptasi strategi peperangan yang meniru corak gerakan daripada Parsi dan ketenteraan. | 2 x 2m = 4m |
| | | (iii) | Rubrik Penskoran<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja — 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas — 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi — 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Cadangan isi :<br>- Kemajuan yang dicapai tidak berteraskan hukum syarak<br>- Kemajuan hanya bersifat duniawi tanpa mengambil kira ukhrawi<br>- Iman menjadi lemah<br>- Kurang menghayati ajaran Islam dalam kehidupan | 4m |

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Sejarah ringkas Kerajaan Uthmaniyah<br>- Asal nama Kerajaan : bersempena nama Uthman bin Ertughrul<br>- Tempoh pemerintahan : 1299M – 1924M<br>- Kawasan pemerintahan : meliputi sebahagian besar benua Asia,Eropah dan Afrika<br>- Bilangan pemerintah : 37 orang<br>- Antara pemerintah yang terkenal :<br>1. Sultan Uthman bin Ertughrul<br>2. Sultan Murad I<br>3. Sultan Muhammad al-Fateh<br>4. Sultan Sulaiman al-Qanuni<br>- Pemerintah pertama : Sultan Uthman bin Ertughrul<br>- Pemerintah terakhir : Sultan Abdul Majid II<br>- Pusat pemerintahan : Sogut, Bursa, Edirne dan Istanbul</td><td>2 x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniyah<br>- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan (1m) berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan (1m)<br>- Kemerosotan ekonomi (1m) dan beban hutang negara yang tinggi (1m)<br>- Gerakan yang menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah (1m) menyebabkan negara tidak stabil (1m)<br>- Kelemahan sistem pendidikan (1m) menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara (1m)<br>- Persaingan politik dalaman istana/perebutan dalam kalangan putera-putera raja (1m) untuk mendapatkan kuasa (1m)</td><td>1 x 2m = 2m<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(1)</td><td>Rubrik Penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Berusaha dengan gigih dalam menuntut pelbagai bidang ilmu pengetahuan (1m) supaya berjaya dalam kehidupan (1m).<br>- Bercita-cita untuk menjadi profesional dalam bidang masing-masing (1m) supaya umat Islam dipandang tinggi (1m).<br>- Sanggup berkorban apa sahaja demi kemajuan diri (1m) agar menjadi muslim yang berwawasan (1m).</td><td>2m<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(2)</td><td>Rubrik Penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Masyarakat Islam terpinggir dalam arus pemikiran moden/jumud<br>- Kurang dihormati di peringkat global<br>- Jati diri umat Islam semakin hilang<br>- Gagal menghargai warisan sendiri<br>- Masyarakat lebih cenderung meniru budaya luar yang tidak selari dengan nilai Islam</td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud bersikap benar<br>- Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah bersikap benar dalam kehidupan<br>- Terpelihara daripada sifat munafik (1m) yang dibenci oleh Allah SWT (1m).<br>- Menenangkan hati (1m) kerana tidak melakukan dosa (1m).<br>- Saling bekerjasama (1m) kerana wujud perasaan saling mempercayai (1m).<br>- Menjadi contoh teladan kepada orang lain (1m) kerana maruahnya dipandang tinggi (1m).</td><td>2 x 2m = 4m<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua contoh perbuatan memelihara ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Mewartakan kawasan flora dan fauna sebagai hutan simpan kekal negara.<br>- Mengadakan kempen penanaman semula pokok bakau.<br>- Gotong royong membersihkan taman-taman rekreasi.<br>- Tindakan undang-undang terhadap peneroka dan pemburu haram.<br>- Mewujudkan pusat perlindungan haiwan terancam<br><br>Catatan :<br>Jawapan munasabah diterima (contoh)</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>(1)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr></table>Cadangan isi :<br>- Pengunjung akan membuang sampah di merata-rata tempat (1m) sehingga mencemarkan kawasan tersebut(1m).<br>- Pengunjung akan merosakkan flora dan fauna di kawasan tersebut (1m) sehingga menjejaskan kelestarian alam (1m)<br>- Hilang kesedaran dan kecintaan untuk memelihara alam sekitar (1m) kerana tiada rasa tanggungjawab (1m).</td><td>2m<br>Isi=1m<br>Huraian=1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(2)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi :<br>1. Memadai:<br>- Dapat mengingatkan pengunjung tentang kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar.<br>- Peringatan dan arahan yang jelas serta difahami.<br>- Papan arahan diletakkan di lokasi yang mudah dilihat dan dibaca oleh setiap pengunjung.</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td></td>
<td>2. Tidak memadai :<br>- Perlu menyediakan lokasi-lokasi buangan sampah khas.<br>- Perlu kepada pemantauan dan tindakan yang berkesan oleh pihak berkuasa.<br>- Melaksanakan kempen-kempen kesedaran memelihara dan memulihara flora dan fauna.<br>- Menyediakan tong sampah yang tidak boleh diselongkar oleh haiwan.</td>
<td>4m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(c)</td>
<td></td>
<td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Mengajak masyarakat mengamalkan sifat mahmudah dan meninggalkan sifat mazmumah<br>- Menyebar luaskan kesan buruk sifat hasad<br>- Mengajak masyarakat mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan</td>
<td>4m</td>
</tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**